- a) An Annual Business Plan and Budget is developed, presented and approved by the Board before implementation. In addition, actual performances are reviewed against the targeted results on a monthly basis allowing timely responses and corrective actions to be taken to mitigate risks. The result of such performance review is reported to the Board on a quarterly basis. Where necessary, Business Plan and Budget is revised mid-year, taking into account any changes in business conditions.
- b) Regular reporting to the Board, the Board of Directors of companies within the Group and Board Committees. Reports on the financial position, status of loans and debts purchased, bonds and notes issued and interest rate swap transactions are provided to the Board at least once a quarter. Where necessary, other issues such as legal, accounting and other relevant matters will also be reported to the Board.
- c) Regular and comprehensive information are provided to Management covering financial and operational reports at least on a monthly basis.

## STATEMENT ON INTERNAL CONTROL

### Policies and Procedures

- a) Clear, formalised and documented internal policies and procedures manuals are in place to ensure compliance with internal controls and relevant laws and regulations. Regular reviews are performed to ensure that documentation remains current and relevant.

### Independent Review by Internal Audit Department

- a) The Internal Audit Department provides assurance to the Board by conducting an independent review on the adequacy, effectiveness and integrity of the system of internal controls. It adopts a risk-based approach in accordance with the annual audit plan approved by the Committee. The results of audits are presented to the Group Board Audit Committee, which meets six times during the financial year ended 31 December 2014.
- b) The audit plan and audit reports are also submitted to the Board and the respective Board of Directors of companies within the Group to inform of any weaknesses in the internal controls system. During the financial year, several weaknesses were highlighted, but none has resulted in material loss, contingencies or uncertainties or impact on reputational risk that would require disclosure in the Annual Report.

### Performance Measurement and Staff Competency

- a) Key Performance Indicators (KPIs), which are based on the Balanced Scorecard approach, are used to track and measure staff performance.
- b) There are proper guidelines for the hiring and termination of staff, formal training programs for staff, annual performance appraisal and other relevant procedures in place to ensure that staff are competent and adequately trained in carrying out their responsibilities.

### Business Continuity Planning

- a) A Business Continuity Plan (BCP), including a Disaster Recovery Plan is in place to ensure continuity of business operations.

### CONCLUSION

The system of internal controls is in place for the year under review and up to the date of issuance of the annual report and financial statements, is sound and sufficient to safeguard the shareholders' investment, the interests of customers, regulators and employees, and the Group's assets.



# RISK MANAGEMENT

**The Cagamas Group takes a holistic and enterprise-wide view in managing risk across the subsidiaries with regular evaluation of risks.**

## ENTERPRISE RISK MANAGEMENT (ERM) FRAMEWORK

Enterprise Risk Management forms part of Cagamas' culture and is embedded into business processes and practices. The Board approved ERM Framework details the responsibility and accountability of the Board of Directors ("the Board" or "BOD"), Board Risk Committee (BRC), Chief Executive Officer (CEO), Chief Risk Officer (CRO), Management Executive Committee (MEC), Asset Liability Committee (ALCO), Risk Management Department (RMD), Internal Audit Department (IAD) and Cagamas employees.

The ERM Framework is geared towards achieving Cagamas' objectives, set forth in four categories:

- Strategic – high-level goals, aligned with and supporting its mission
- Operations – effective and efficient use of its resources
- Financial – profitability and sustainability of performance
- Reporting & Compliance – reliability of reporting and compliance with applicable laws and regulations

In line with the ERM framework, three lines of defence in managing risks is adopted within the Group. Business units being the first line of defence, have the primary responsibility of identifying, mitigating and managing risks within their lines of business. They also ensure that their day-to-day activities are carried out within established risk policies, procedures and limits.

An independent RMD plays the role of second line of defence by providing specialised resources to proactively manage risks. This includes the assessing of risk exposures and the coordination of risk management on an enterprise-wide basis. RMD is also responsible for ensuring that risk policies are implemented accordingly.

The IAD being the third line of defence is responsible for independently reviewing the adequacy and effectiveness of risk management processes, system of internal controls and compliance with risk policies.

## RISK GOVERNANCE STRUCTURE

The Board sets the overall strategic direction for Cagamas. It provides oversight to ensure that Management has appropriate risk management system and practices to manage risks associated with the Company's operations and activities. The Board sets risk appetite and tolerance levels that are consistent with the Company's overall business objectives and desired risk profile. The BOD also reviews and approves all significant risk management policies and risk exposures.

The BRC assists the Board of Directors by ensuring that there is effective oversight and development of strategies, policies and infrastructure to manage the Company's risks. The BRC is supported by management committees which address key risks identified.

The MEC and ALCO which comprises senior management of the Group are chaired by the CEO and undertake the oversight function for capital allocation and overall risk limits, aligning them to the risk appetite set by the Board. Management is also responsible for the implementation of policies laid down by the Board and ensuring there are adequate and effective operational procedures, internal controls and systems to support these policies.

The RMD is responsible for identifying, measuring, analysing, controlling, monitoring and reporting of risk exposures independently and coordinating the management of risks on an enterprise-wide basis. It is independent of other departments involved in risk-taking activities and reports directly to the BRC.

## STRATEGIC RISK MANAGEMENT

Strategic risk is the risk of not achieving the Group's corporate strategy and goals. This may be caused by internal factors such as deficiency in performance planning, execution and monitoring, and external factors such as market environment.

Strategic risk management is addressed by the Board's involvement in the setting of Group strategic goals. The Board is regularly updated on matters affecting corporate strategy implementation and corporate transactions.

## CREDIT RISK MANAGEMENT

Credit risk is defined as the potential for financial loss resulting from the failure of a borrower or counterparty to fulfill its financial or contractual obligations. Credit risk within the Group arises from Purchase with Recourse (PWR) and Purchase without Recourse (PWOR) business, mortgage guarantee programme, investments and treasury hedging activities.

The primary objective of credit risk management is to proactively manage risk and credit limits to ensure that all exposures to credit risks are kept within parameters approved by the Board to withstand potential losses. Investment activities are guided by internal credit policies and guidelines that are approved by the Board. Specific procedures for managing credit risks are determined at business levels based on risk environment and business goals.

# RISK MANAGEMENT

## MARKET AND LIQUIDITY RISK MANAGEMENT

Market risk is defined as potential loss arising from movements of market prices and rates. Within the Group, market risk exposure is limited to interest rate risk and foreign exchange risk as the Group does not engage in any equity or commodity trading activities. Interest rate risk is minimal as trading is prohibited. Foreign exchange risk which arises from the issuance of foreign currency denominated bonds is largely hedged by entering into cross currency swaps with strong counterparties. Liquidity risk arises when the Group does not have sufficient funds to meet its financial obligations when they fall due.

The Group manages market and liquidity risks by imposing threshold limits which are approved by management within the parameters approved by the Board based on a risk-return relationship. It also adheres to a strict match-funding policy where all asset purchases are funded by bonds of closely matched size, duration, and are self-sufficient in terms of cashflow. A forward looking liquidity mechanism is in place to promote efficient and effective cashflow management while avoiding excessive concentrations of funding. The Group plans its cash flow and monitors closely every business transaction to ensure that available funds are sufficient to meet business requirements at all times. Reserve liquidity, which comprises marketable debt securities, are also set aside to meet any unexpected shortfall in cash flow or adverse economic conditions in the financial market.

## OPERATIONAL RISK MANAGEMENT

Operational risk is the potential loss resulting from inadequate or failed internal processes, people and systems, or from external events. Each business/support unit undertakes self-assessment of its own risk and control environment to identify, assess and manage its operational risks. The Group has established comprehensive internal controls, systems and procedures that are subject to regular review by both internal and external auditors. Business Continuity Plans are in place to minimise unexpected disruption and reduce time to restore operations.

## REPUTATIONAL RISK

The Group's reputation and image as perceived by clients, investors, regulators and the general public is of utmost importance to the continued growth and success of the Group's businesses and operations. Invariably, reputational risk is dependent on the nature/model of business, selection of clients and counterparties and reliability and effectiveness of business processes.

Stringent screening of potential clients and design of business in accordance with high standards and regulatory compliance are incorporated to safeguard the Group's business reputation and image.

## SHARIAH NON-COMPLIANCE RISK

The Company consults and obtains endorsements/clearance from an independent Shariah Advisor for all its Islamic products and transactions to ensure compliance with Shariah requirements. In addition, the Company obtains the approval of the Shariah Advisory Councils of Bank Negara Malaysia and Securities Commission for its Islamic products.

Periodic internal audits are performed to verify that Islamic operations conducted by the business units are in compliance with the decisions endorsed by the Shariah Advisor. Any incidences of Shariah non-compliance are reported to both the Shariah Advisor and the Group Board Audit Committee.

During the financial period under review, there is no non-Shariah compliant event.

## KEY RISK MANAGEMENT INITIATIVES

During the year, Cagamas' has completed the following initiatives to strengthen its risk management processes and controls:

### Alignment of Risk Appetite

- The Group implemented the Risk Appetite Statement Framework and is committed to continuously embed risk appetite across the Group. The approved risk appetite statements also serve as a guide to the organisation in its development of strategy/business plans and are reviewed periodically to ensure it continues to be relevant.
- In addition to the high level risk appetite statement, more granular statements have also been developed and translated to risk limits and tolerances that define the boundaries that the Company should operate in while undertaking its development role in the market.
- Risk appetite statements and its risk limits and tolerances are being measured, monitored and reported periodically to the Management Executive Committee, Board Risk Committee and Board of Directors.

### Embedding Risk Culture

- The Board believes that a healthy risk culture is an essential building block for effective risk management and governance. In this regards a "Risk Culture Index" was established and implemented with the objective of strengthening the risk culture in the organisation.
- To create risk awareness among staff, the Risk Management team had initiated the first risk awareness campaign where activities were actively participated by all levels of staff.

### **Enhancement of Risk Management Process and Controls**

- The Group regards having a strong capital position as essential to the Group's business strategy. Hence, the Internal Capital Adequacy Assessment Process (ICAAP) including stress-testing process is being reviewed regularly to ensure that the Company maintains sufficient capital to support its risk profile.
- To reduce dependency on external ratings, an internal credit rating scorecard for corporate and leasing companies under the PWR business was developed during the year. This development of the internal credit rating scorecards will continue to include other types of counterparties and implementation would be roll-out on a phased approach.
- Credit concentration triggers have been reviewed to strengthen credit risk management in line with the new business strategies and initiatives. An updated "Policy on Credit Classification & Remedial Management for Problem Loans/Financing" was also implemented with established triggers as early warning signals for effective monitoring.
- In view of the need to derive a holistic view of the risk landscape in ensuring undistruptive operations during disaster, an enhanced Business Impact Analysis was developed and implemented during the year. This will contribute to the development of a more comprehensive business continuity plan.

### **Strengthening of Risk Governance**

- To further strengthen our risk governance, the Board has approved a Risk Governance Policy wherein all risk management and internal controls policy and procedures are established based on the 13 principles as set out in the BNM's Risk Governance Policy. The principles are foundation for and complement other guidelines and sound practices approved by the Board on enterprise risk management and specific risks such as credit, market and liquidity, and operational risks.

## PENYATA PENERUSI



**Dato' Ooi Sang Kuang**  
Pengerusi

## PARA PEMEGANG SYER SEKALIAN,

**Saya bagi pihak Lembaga Pengarah (Lembaga) dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Cagamas Holdings Berhad (Kumpulan) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014**

### PENGENALAN

Bagi tahun 2014, ekonomi global menyaksikan peningkatan momentum dalam proses pemulihan ekonomi Amerika Syarikat (AS) tetapi pertumbuhan tidak sekata di negara lain di dunia. Pertumbuhan global telah dipengaruhi oleh faktor-faktor kemerosotan dan deflasi sekitar zon Euro dan Jepun, manakala China dan negara-negara membangun yang lain mencatatkan pertumbuhan yang sederhana. Permintaan global yang menyusut serta kejatuhan harga minyak dan komoditi telah membawa kesan disinflasi yang ketara ke atas ekonomi global. Jepun dan zon Euro melanjutkan aktiviti pengembangan monetarinya manakala AS pula secara beransur-ansur memulakan pelonggaraan kuantitatifnya. China dan lain-lain ekonomi membangun, masing-masing telah melonggarkan dasar monetari dengan tujuan merangsang permintaan dalam negeri bagi menghadapi penyusutan dalam pertumbuhan eksport.

Pada separuh tahun pertama 2014, Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi daripada yang diramalkan. Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi kembali sederhana ekoran kejatuhan dalam harga komoditi global pada separuh tahun kedua. Bagi tahun 2014, ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.0% berbanding dengan 4.7% pada tahun 2013. Kecairan dalam sistem perbankan kekal lebih daripada cukup bagi sebahagian besar tahun ini, di mana bank-bank telah mengekalkan penampunan kecairan yang kukuh dan penempatan yang tinggi di dalam Bank Negara Malaysia. Sistem perbankan Malaysia masih mengekalkan permodalan yang memuaskan, di mana Nisbah Modal Tahap 1 Ekuiti Biasa, Nisbah Modal Tahap 1 dan Nisbah Modal Keseluruhan, masing-masing mencatatkan 12.6%, 13.3% dan 15.2%. Nisbah pinjaman kepada deposit dan nisbah pembiayaan kepada deposit pada akhir Disember 2014 adalah lebih tinggi pada 86.2% and 92.8% berbanding dengan 84.6% and 91.5% pada tahun sebelumnya.

Bon Malaysia, sebagaimana yang dicatat oleh Thomson Reuters BPAM All Bond Index, berjaya mencatatkan pulangan tahunan sebanyak 4.3% walaupun kadar hasil bon semakin meningkat, terutamanya dalam segmen Bon Kerajaan Malaysia. Pada tahun 2014, kadar hasil bon Cagamas 3-tahun didagangkan dalam julat 26 mata asas, daripada serendah 3.71% pada suku tahun pertama kepada tahap tertingginya iaitu 3.97% pada akhir tahun 2014, sejajar dengan pergerakan pasaran umum. Bagi tahun kewangan, purata hasil dagangan bon Cagamas 3-tahun adalah 3.86% atau 40 mata asas berbanding purata hasil dagangan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS). Bagi bon Cagamas 5-tahun pula, kadar hasil bon didagangkan dalam jajaran kecil iaitu 16 mata asas, daripada serendah 4.04% dalam suku tahun pertama kepada tahap tertinggi iaitu 4.20% pada akhir tahun 2014 dan mencatatkan purata hasil dagangan 4.15% atau 45

mata asas berbanding dengan hasil dagangan MGS. Hasil purata sekuriti hutang Cagamas berbanding dengan keluk penanda aras AAA adalah 19 mata asas lebih rendah pada tahun 2014 berbanding 20 mata asas pada tahun 2013. Ini menunjukkan keyakinan berterusan para pelabur terhadap sekuriti hutang Syarikat ini.

### MAKLUMAT PENTING

Tahun 2014 merupakan tahun di mana Kumpulan ini merintis haluan baru. Tahun ini menyaksikan Kumpulan ini mewujudkan dua program baru bagi bon/sukuk mata wang asing, iaitu program Nota Jangka Sederhana Pelbagai Mata Wang Konvensional (EMTN) USD2.5 bilion dan program Sukuk Pelbagai Mata Wang USD2.5 bilion. Program-program ini telah diwujudkan dengan matlamat untuk memperluaskan lagi lingkungan dan rangkaian para pelabur kami serta mempelbagaikan sumber pendanaan kami, mendapat pendanaan pada harga yang kompetitif dari pasaran antarabangsa dan membiayai pembelian aset yang bukan dalam Ringgit.

Di bawah program EMTN konvensional USD2.5 bilion, Kumpulan ini telah berjaya menerbitkan bon luar pesisir sulungnya iaitu bon Renminbi China (RMB) melalui CNH1.5 bilion 3-tahun pada bulan September 2014. Terbitan sulung Kumpulan ini dalam mata wang asing tersebut telah menerima penarafan A3 oleh Moody's Investors Service (bersamaan penarafan berdaulat Malaysia). Terbitan ini menerima permintaan yang kukuh daripada para pelabur global RMB yang berkualiti tinggi dari seluruh Asia khususnya Hong Kong, Singapura dan Taiwan manakala permintaan dari Eropah datang dari Perancis, Switzerland, Luxembourg dan United Kingdom. Terbitan ini berjaya mencatatkan nilai buku sebanyak RMB4.6 bilion atau kadar lebihan langganan 3.1 kali. Terbitan ini juga mewakili beberapa transaksi 'pertama' bagi Cagamas dan juga pasaran bon Malaysia. Ini adalah terbitan bon konvensional denominasi bukan Ringgit pertama Cagamas dan juga merupakan terbitan bon RMB terbesar oleh penerbit daripada Malaysia dan juga di Asia Tenggara. Ianya juga mencapai mercu tanda sebagai bon RMB pertama yang diselesaikan menerusi 'Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System (RENTAS)' yang dikendalikan dan diuruskan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear). Penerbitan ini juga telah disenaraikan di Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan dengan nama pasarannya 'Tiger Emas Bond' bagi mewakili terbitan Renminbi luar pesisir oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Terbitan sulung RMB1.5 bilion tersebut telah merintis laluan bagi terbitan mata wang asing Cagamas yang lain iaitu penanda aras Nota Senior Tidak Bercagar USD500 juta dan Nota Jangka Sederhana HKD1.0 bilion. Penerbitan Dolar AS sulung Syarikat ini menerima

## PENYATA PENERUS

permintaan yang amat menggalakkan daripada para pelabur bon antarabangsa di Asia, Eropah dan luar pesisir AS dengan kadar lebih langganan sebanyak 4.9 kali. Permintaan yang kukuh daripada pelbagai segmen pasaran, termasuk pengurus utama wang global dan dana-dana kekayaan berdaulat, mencerminkan peningkatan dalam keyakinan para pelabur terhadap terbitan-terbitan Cagamas. Kami telah berjaya menyenaraikan Sukuk Ringgit (Tranche 10 tahun daripada terbitan Sukuk MTN RM3.8 bilion kami) untuk disertakan dalam HSBC Asian Local Bond Index - indeks penanda aras serantau yang diterima secara meluas bagi pasaran bon domestik. Kami juga telah berjaya memantapkan kedudukan kami di kalangan para pelabur antarabangsa dengan menempatkan bon Renminbi kami dalam lima indeks penanda aras antarabangsa, iaitu, Indeks Barclays Capital Offshore RMB Bond, Indeks Citi – Dim Sum Bond, Indeks FTSE – BOCHK Offshore RMB Investment Grade Bond, FTSE – BOCHK Offshore RMB Bond Index Series dan Indeks HSBC Offshore RMB Bond. Bagi penerbitan di dalam Dolar AS, penerbitan sulung nota USD500 juta kami juga diiktiraf sebagai penanda aras yang penting bagi penetapan harga bon korporat dan telah disenaraikan dalam Indeks JP Morgan Asia Credit (JACI), Indeks Barclays Global Aggregate, Indeks Citi World Broad Investment-Grade (WorldBIG) dan Indeks Citi Asian Broad Bond (ABB), yang kesemuanya merupakan indeks bon dunia yang selalu digunakan, berkuatkuasa bulan Januari 2015.

Tahun ini juga menyaksikan Cagamas menerajui konvensyen penetapan harga 'Berdasarkan Spread' dalam pasaran bon tempatan melalui terbitan-terbitan kami, di mana buku pesanan disebut harga berdasarkan spread yang dibandingkan dengan MGS yang sebanding. Kadar hasil MGS amat diperhatikan dan menggambarkan penyertaan yang lebih tinggi daripada lingkungan pelabur yang lebih luas. Oleh itu, konvensyen penetapan harga Berdasarkan Spread akan mencerminkan penilaian pasaran sekunder yang lebih mantap untuk MGS bagi PDS dan seterusnya meningkatkan tindak balas harga PDS mengikut keadaan pasaran.

Kumpulan ini terus memainkan peranan aktif dalam memudahkan pengantaraan di dalam sektor kewangan Malaysia dengan menyediakan penyelesaian untuk kecairan, modal dan pengurusan risiko kepada institusi-institusi kewangan. Nilai urus niaga Pembelian dengan Rekursu (PWR) pada tahun 2014 adalah RM5.6 bilion berbanding RM1.4 bilion pada tahun 2013. Jumlah sekuriti pendapatan tetap yang diterbitkan adalah RM6.7 bilion dan terdiri daripada RM2.5 bilion sukuk dan RM4.2 bilion bon konvensional. Pada akhir Disember 2014, jumlah pinjaman dan pembiayaan yang belum dilunas bagi Kumpulan ini adalah RM33.5 bilion. Sekuriti pendapatan tetap Cagamas menyumbang sebanyak 8% daripada jumlah sekuriti pendapatan tetap korporat yang belum ditebus dan 22% daripada kesemua sekuriti pendapatan tetap AAA yang belum ditebus di Malaysia. Penerbitan kami juga telah memenangi beberapa anugerah pada tahun ini. Bon EMTN RMB1.5 bilion kami telah dianugerahkan Best Renminbi (Offshore) Offering oleh FinanceAsia dan Best Foreign Currency Bond Deal of the Year in Southeast Asia oleh Alpha South-East Asia. Sukuk Pelbagai Tempoh RM3.8 bilion kami juga telah dianugerahkan sebagai Best Deal-Highly Commended (Malaysia) di The Asset Triple A Awards pada tahun 2014. Penerimaan pelbagai anugerah ini mencerminkan kedudukan kami sebagai salah satu daripada penerbit bon tersohor di negara ini.

Beberapa inisiatif baru yang telah diambil dijangka dapat menyokong pertumbuhan Syarikat ini untuk bergerak ke hadapan. Kami juga telah meningkatkan penjenamaan kami melalui peningkatan liputan media, promosi, perjumpaan bergerak antarabangsa dan pembabit sebagai penceramah. Pencapaian kami dalam mengekalkan penarafan antarabangsa A3 oleh Moody's Investors Service dan penarafan domestik AAA oleh Malaysian Rating Corporation Berhad dan RAM Rating Services Berhad adalah bukti tentang kedudukan modal yang kukuh, kualiti aset yang tinggi, keuntungan yang stabil dan pengurusan risiko kami yang mantap.

Dalam mencapai kejayaan ini, kami tidak lupa akan tanggungjawab sosial kami terhadap masyarakat. Kami telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik dengan memberi sumbangan derma dan zakat. Selain itu, kami juga tekad dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan tentang kewangan Islam di negara ini. Oleh itu, kami telah menaja dua projek terjemahan buku tentang Islam, iaitu A Glimpse of Islamic Jurisprudence oleh Abu Ishaq Al Shirazi dan The Book of Endowment oleh Al-Khatib Al-Shirbini. Kami berharap dengan sumbangan ini, pengetahuan dan hikmah yang terkandung dalam buku-buku ini akan tersebar luas dan seterusnya memajukan sektor kewangan Islam ke tahap yang lebih tinggi.

### PRESTASI KEWANGAN

Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa bagi tahun kewangan berakhir 2014, kedudukan kewangan Kumpulan ini termasuk Cagamas Berhad dan anak-anak syarikatnya (Cagamas), Cagamas MBS Berhad (CMBS) dan Cagamas SRP Berhad (CSRP) kekal berada di tahap yang sangat teguh. Kumpulan ini telah mencatatkan keuntungan sebelum cukai lebih rendah sebanyak RM546.5 juta berbanding dengan RM703.2 juta pada tahun 2013 disebabkan oleh sumbangan keuntungan yang lebih rendah daripada Cagamas dan CMBS.

Nisbah Modal Teras (CCR) dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) keseluruhan Kumpulan ini pada akhir tahun 2014, masing-masing kekal tinggi pada 39.2% dan 39.9%. Pada akhir tahun 2014, CCR dan RWCR Kumpulan ini, jika tidak termasuk CMBS, masing-masing adalah 25.1% dan 25.7%. Jumlah dana pemegang syer bagi Kumpulan ini meningkat kepada RM5.1 bilion daripada RM4.8 bilion manakala aset ketara bersih sesyer meningkat kepada RM34.2 berbanding dengan RM31.7 pada tahun 2013.

Di peringkat anak syarikat, Cagamas mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM335.8 juta pada tahun 2014. Pendapatan sesyer Cagamas ialah 165 sen pada tahun 2014, berbanding dengan 212 sen pada tahun 2013. Jumlah dana pemegang syer Cagamas meningkat sebanyak 9.0% kepada RM2.8 bilion manakala aset ketara bersih sesyer meningkat kepada RM18.3. RWCR Cagamas tetap kukuh pada 24.3% pada akhir tahun 2014.

Sepanjang tahun kewangan, CMBS yang merupakan sebuah syarikat tujuan khas telah menyumbang keuntungan sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM202.3 juta berbanding dengan RM270.7 juta pada tahun 2013, terutamanya disebabkan oleh pembayaran

bonus budi bicara. Pada akhir tahun 2014, jumlah bon dan sukuk CMBS yang belum ditebus menurun kepada RM5.0 bilion daripada jumlah terbitan sebanyak RM10.2 bilion. Baki bon dan sukuk CMBS dijangka matang menjelang tahun 2027.

Bagi CSRP, keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 20.7% kepada RM4.7 juta, disumbangkan terutamanya oleh pulangan pelaburan daripada pasaran wang dan pelaburan tersedia-untuk-dijual. Aktiviti-aktiviti jaminan mencatatkan pertumbuhan keuntungan sebelum cukai yang memberangsangkan iaitu daripada RM0.3 juta pada tahun 2013 kepada RM0.7 juta pada tahun 2014.

## DIVIDEN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Kumpulan ini mengisytiharkan dividen sebanyak 20 sen sesyer kepada para pemegang syer.

## TINJAUAN MASA DEPAN

Melangkah ke tahun 2015, interaksi prestasi yang berlainan dan pendirian yang berbeza dalam dasar monetari di antara AS dan negara lain di dunia dijangka akan mempengaruhi keadaan kewangan dan perilaku pasaran kewangan global. Pengakhiran pelonggaran kuantitatif dan langkah ke arah pemulihan kewangan di AS berbanding pelanjutan pelonggaran kuantitatif dengan lebih meluas di zon Euro dan Jepun dan pelonggaran dasar monetari oleh negara lain di dunia akan menguasai agenda kewangan dan ekonomi untuk tahun 2015. Kejatuhan harga minyak yang mendadak, walaupun positif bagi pertumbuhan global, dijangka akan membawa kesan deflasi yang ketara terhadap ekonomi antarabangsa. Perkembangan ini dijangka akan mempengaruhi keseimbangan risiko-pulangan dan menyebabkan perubahan dan pergerakan modal yang kerap serta peningkatan turun naik dalam pergerakan kadar pertukaran mata wang.

Bagi ekonomi Malaysia, walaupun sektor eksport akan mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi AS, kejatuhan mendadak harga minyak dan gas dijangka memberi kesan ketara terhadap kedudukan fiskal Kerajaan dan mengurangkan perbelanjaan pelaburan. Permintaan dalam negeri dijangka menyusut. Oleh itu, pertumbuhan KDNK nyata dijangka sederhana di antara 4.5% - 5.5%.

Cagamas telah mengukuhkan lagi kedudukannya sejak beberapa

tahun kebelakangan ini dan meningkatkan kemampuannya untuk menawar pelbagai penyelesaian pembiayaan yang lebih meluas bagi pertumbuhan masa depan yang mampan. Cagamas akan terus meningkatkan portfolio produk Islamnya dan memperkenalkan lebih banyak produk sukuk yang diterima secara global untuk menarik minat lebih ramai para pelabur antarabangsa dan serantau. Kami juga akan meneruskan usaha bagi menggalakkan perluasan pasaran modal di Malaysia.

Dalam usaha kami untuk membantu rakyat Malaysia mendapatkan kemudahan pembiayaan perumahan yang mampu milik dan kompetitif, kami akan terus memainkan peranan aktif dalam menyokong program pemilikan rumah mampu milik Kerajaan seperti Skim Rumah Pertamaku dan Skim Perumahan Belia. Cagamas bertekad untuk memenuhi agenda pembangunannya iaitu 'Galakan Pemilikan Rumah Negara'.

## PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Lembaga Pengarah ingin merakamkan ucapan penghargaan kami kepada para pemegang syer atas keyakinan dan sokongan berterusan yang diberikan. Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak penguatkuasa peraturan, terutamanya Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atas panduan dan sokongan yang diberikan.

Akhir sekali, Lembaga Pengarah ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pengurusan dan kakitangan dalam Kumpulan Cagamas atas semangat dedikasi, komitmen dan sumbangan bernilai mereka terhadap pencapaian matlamat Kumpulan ini sepanjang tahun, kerana tanpa semangat tersebut, kejayaan Kumpulan ini mungkin tidak dapat dicapai.



**Dato' Ooi Sang Kuang**  
Pengerusi

# PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

**Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) adalah komited untuk memastikan bahawa Syarikat dan anak-anak Syarikatnya (Kumpulan), mengamalkan piawaian tertinggi bagi urus tadbir korporat supaya urusan dilaksanakan dengan penuh integriti dan profesionalisme untuk melindungi prestasi kewangan Kumpulan ini dan meningkatkan nilai para pemegang syer. Untuk tujuan ini, Lembaga Pengarah menyokong penuh prinsip Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia 2012 (Kod) dan akan berusaha untuk mengamalkan Kod ini untuk memastikan bahawa piawaian tertinggi urus tadbir korporat diamalkan dalam Syarikat dan Kumpulan ini.**

## LEMBAGA PENGARAH

### Komposisi dan Kebebasan Para Pengarah

Lembaga Pengarah dianggotai oleh tujuh (7) Pengarah Bukan Eksekutif yang terdiri daripada Pegawai Kanan/wakil Bank Negara Malaysia, Ketua-ketua Eksekutif dan Pegawai-pegawai Kanan institusi kewangan serta ahli profesional berpengalaman yang dicalonkan oleh Lembaga Pengarah.

Berdasarkan kepada kriteria Penyenaraian Pasaran Utama oleh Bursa Malaysia Securities Berhad, majoriti para Pengarah Cagamas Holdings Berhad adalah dianggap bebas kerana mereka bebas daripada pengurusan dan bebas daripada urusan perniagaan ataupun perhubungan lain yang boleh mengganggu pelaksanaan pertimbangan bebas atau kebolehan untuk bertindak bagi kepentingan terbaik bagi Syarikat. Para Pengarah tidak menyertai dalam urusan harian perniagaan Syarikat. Para Pengarah memberikan pandangan yang objektif dan bebas untuk pertimbangan Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan (GBGC) dan Lembaga Pengarah selepas penilaian tahunan, telah merumuskan bahawa Pengarah Bebas Bukan Eksekutif terus menunjukkan tindakan dan perilaku yang mereka adalah bebas dan setiap daripada mereka secara berterusan memenuhi definisi bebas.

Kesemua Pengarah dalam Kumpulan, termasuk di peringkat anak syarikat, memiliki pengalaman yang meluas dan mendalam dalam makroekonomi, perbankan dan perkhidmatan kewangan, pasaran modal dan pengurusan institusi kewangan. Secara kolektif, para Pengarah membawa bersama mereka kemahiran dan pengetahuan yang meluas dan pelbagai dalam bidang perbankan dan kewangan, pasaran modal, perakaunan, ekonomi, pengurusan risiko dan teknologi maklumat.

### Tugas dan Tanggungjawab Jelas

Halatuju dan kawalan bagi Kumpulan terletak di bawah Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah memegang tanggungjawab keseluruhan bagi urus tadbir korporat, halatuju strategik, selera risiko, formulasi polisi, memantau operasi Kumpulan dan tatacara dan prestasi bagi Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan. Lembaga Pengarah memastikan bahawa satu proses yang bersesuaian diletak untuk mengenalpasti dan memantau risiko-risiko prinsipal dan sistem-sistem yang bersesuaian diletak untuk menguruskan risiko-risiko tersebut. Lembaga Pengarah juga dipertanggungjawabkan untuk memastikan kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat Kumpulan, termasuk pematuhan kepada undang-undang terpakai, syarat-syarat, peraturan, perintah dan garis panduan.

Lembaga Pengarah menyelia pelaksanaan dan prestasi perniagaan Kumpulan ini dengan menyemak dan meluluskan rancangan perniagaan strategik dan bajet tahunan Kumpulan ini. Petunjuk Prestasi Utama tahunan dan jangka sederhana bagi CEO dan Pengurusan Kanan Syarikat ini dibincang dan ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Kemaskini berkenaan operasi utama Kumpulan ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan pada setiap mesyuarat Lembaga Pengarah. Selain itu, hal-hal penting yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat ini juga dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman atau pengesahan.

Lembaga Pengarah menentukan selera risiko keseluruhan untuk perniagaan Kumpulan. Urusan penyeliaan pengurusan risiko dalam Kumpulan ini dikendalikan oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad. BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, polisi, proses dalaman yang kritikal dan sistem untuk menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan pendedahan risiko dalam Kumpulan. BRC melapor terus kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya, akan memaklumkan dan jika perlu, mendapat maklum balas daripada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad tentang keputusan yang diambil berkaitan penilaian risiko dan hal-hal berkaitan risiko. BRC disokong oleh Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) Cagamas Berhad yang bertanggungjawab untuk melaksanakan penilaian risiko dan penilaian terhadap operasi Cagamas Berhad dan anak-anak Syarikat yang lain. Ketua Pegawai Risiko melapor terus kepada BRC. RMD juga menyerahkan penilaian risiko kepada Lembaga Pengarah anak-anak Syarikat masing-masing.

Pengerusi bagi Syarikat mengetuai Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa ianya berfungsi secara berkesan dalam memenuhi kemampuan dan tanggungjawab. Sebagai syarikat pemegang pelaburan, Cagamas Holdings Berhad tidak mempunyai Ketua Pegawai Eksekutif ataupun kakitangan lain. Namun begitu, operasi harian Kumpulan dilaksanakan oleh entiti operasi utama, iaitu Cagamas Berhad.



Di Cagamas Berhad, tersedia suatu pemisahan yang jelas bagi tugas dan tanggungjawab di antara Pengerusi dan CEO bagi Cagamas Berhad. Pengerusi menyediakan peranan kepimpinan kepada Lembaga Pengarah/Kumpulan dan memastikan bahawa Lembaga Pengarah berfungsi secara berkesan, beliau mengetuai perbincangan mengenai strategi, dasar, selera risiko dan pengendalian perniagaan secara keseluruhan bagi Kumpulan. CEO bagi Cagamas Berhad, mengetuai pihak Pengurusan Cagamas Berhad dan bertanggungjawab terhadap pelaksanaan strategi dan dasar berkenaan serta pengendalian urusan-urusan harian perniagaan Kumpulan ini.

### **Setiausaha Syarikat**

Para Pengarah mempunyai akses tersedia dan tidak terbatas kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas dengan berkesan. Lembaga Pengarah sering dikemaskini dan dimaklumkan oleh Setiausaha Syarikat dan Pegawai Pematuhan yang berpengalaman dan berpengetahuan mengenai undang-undang baru dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kawal selia, serta implikasi kepada Kumpulan dan para Pengarah berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka. Setiausaha Syarikat menghadiri dan memastikan bahawa semua mesyuarat Lembaga Pengarah berlangsung secara teratur, dan rekod prosiding yang tepat dan betul serta resolusi yang diluluskan diambil dan direkodkan dalam pendaftaran berkanun di pejabat berdaftar Syarikat. Setiausaha Syarikat memudahkan komunikasi yang tepat pada masanya terhadap keputusan yang dibuat serta dasar-dasar yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah kepada Pengurusan Kanan untuk tindakan.

### **Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali untuk membincangkan pelbagai perkara termasuk prestasi perniagaan Syarikat, profil risiko, rancangan perniagaan dan isu-isu strategik yang memberi kesan kepada perniagaan Kumpulan. Laporan untuk Lembaga Pengarah yang memberikan maklumat kemaskini tentang operasi, kewangan, profil risiko, isu-isu kawal selia dan perkembangan korporat dihantar kepada para Pengarah terlebih dahulu sebelum setiap mesyuarat.

Kesemua para Pengarah boleh mendapat nasihat terus daripada Pengurusan Kanan Cagamas Berhad. Dalam melaksanakan tugas mereka, Ahli Lembaga Pengarah berhak untuk mendapat nasihat daripada ahli profesional bebas dengan perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat, pada dan ketika keadaan yang diperlukan.

### **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Pada masa ini, Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan (GBAC) dan Jawatankuasa Urus Tadbir Lembaga Pengarah Kumpulan (GBGC), yang beroperasi mengikut terma rujukan spesifik ("TOR") seperti yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

GBGC terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif, antaranya:

Dato' Ooi Sang Kuang (Pengerusi)  
Tan Sri Dato' Sri Tay Ah Lek  
Encik Marzunisham bin Omar

Tanggungjawab utama GBGC ialah untuk menilai praktis urus tadbir korporat bagi Kumpulan dan untuk memastikan bahawa praktis urus tadbir Kumpulan adalah selari dengan amalan terbaik. GBGC juga bertanggungjawab menilai secara tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan sumbangan setiap Pengarah individu, dan mencadangkan pelantikan ke Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Dengan tertubuhnya GBGC, satu prosedur formal telah diwujudkan untuk mengenalpasti, mencalonkan dan menilai Lembaga Pengarah dan mencadangkan bagi pelantikan ke Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Keputusan bagi siapa yang akan dicalonkan adalah tanggungjawab Lembaga Pengarah bagi setiap syarikat masing-masing selepas mempertimbangkan cadangan GBGC.

Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pampasan Kakitangan dan Organisasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah kekal di Cagamas Berhad.

### **Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah**

Para Pengarah dicalonkan oleh para pemegang syer atau ahli-ahli Lembaga Pengarah. Pencalonan ini disemak oleh GBGC yang kemudiannya mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk diluluskan.

Menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965, Pengarah yang melangkaui umur tujuh puluh tahun (70) akan bersara pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan boleh menawarkan diri untuk dilantik semula untuk memegang jawatan sehingga AGM seterusnya.

Menurut Artikel Pertubuhan (Artikel) Syarikat ini, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada para Pengarah akan bersara daripada jawatan mereka pada setiap AGM Syarikat ini dan mereka boleh menawarkan diri untuk dilantik semula. Artikel ini juga menyatakan bahawa para Pengarah dilantik oleh Lembaga Pengarah pada sesuatu tahun tertakluk kepada pelantikan oleh para pemegang syer pada AGM yang akan datang.

## PENYATA URUS TADBIR KORPORAT

### Ganjaran Pengarah

Polisi Syarikat dalam pembayaran ganjaran Pengarah adalah perlu untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah yang berkaliber dan berpengalaman yang boleh memberi pandangan yang jelas dan berkesan untuk aktiviti-aktiviti Kumpulan. GBGC menilai ganjaran kepada Pengarah Bukan Eksekutif berasaskan secara tahunan sebagai sebahagian daripada agenda tetap dalam memastikan bahawa Pengarah diganjar selayaknya di atas sumbangan mereka kepada Kumpulan.

Yuran para Pengarah diluluskan oleh para pemegang syer pada AGM. Jumlah ganjaran akan dibayar kepada semua para Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 ialah sebanyak RM501,021 merangkumi yuran para Pengarah sebanyak RM359,521 dan elaun mesyuarat sebanyak RM141,500.

### Latihan Pengarah

Sebilangan Para Pengarah terdiri daripada Pengarah syarikat tersenarai awam dan telah mengikuti program latihan akreditasi mandatori seperti yang disyaratkan di bawah Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Sebilangan besar para Pengarah Cagamas Berhad telah menghadiri Program Teras Financial Institutions Directors' Education (FIDE). Program latihan tahunan Pengarah difokuskan kepada perkembangan berterusan set kemahiran para Pengarah dan dikemaskini berkaitan pembangunan terkini dalam sektor perkhidmatan kewangan termasuk perundangan dan peraturan-peraturan baru yang berkaitan.

### Hubungan Dengan Pelabur Dan Komunikasi Dengan Pemegang Syer

Lembaga Pengarah sedia maklum tentang kepentingan komunikasi yang berkesan dan bertepatan masa dengan para pemegang syer dan pemegang berkepentingan. Kumpulan ini menghebahkan strategi, rancangan, maklumat kewangan dan produk baru kepada para pemegang syer dan pelabur melalui surat, Laporan Tahunan, kenyataan dan pengumuman akhbar, serta melalui saluran maklumat kewangan yang lain seperti Bloomberg dan Reuters. Forum utama untuk berdialog dengan para pemegang syer adalah di AGM. Pada AGM tersebut, Pengerusi menerangkan tentang prestasi Kumpulan ini dan memberi peluang kepada para pemegang syer untuk mengajukan soalan dan mendapatkan penjelasan tentang perniagaan dan prestasi Kumpulan ini.

Cagamas Berhad, mengendalikan sebuah laman sesawang [www.cagamas.com.my](http://www.cagamas.com.my) yang menyediakan maklumat terkini dan menyeluruh mengenai produk, kadar, dan maklumat kewangan Kumpulan ini.

## KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

### Laporan Kewangan

Matlamat Lembaga Pengarah adalah untuk membentangkan penaksiran yang seimbang tentang kedudukan kewangan dan prospek Syarikat ini di dalam penyata kewangan tahunannya kepada para pemegang syer dan pelabur. Selepas perbincangan dengan Ketua Pegawai Kewangan, Naib Presiden/Ketua Audit Dalaman dan juruaudit luar, para Pengarah menentukan dan mengisytiharkan bahawa semasa menyediakan penyata kewangan berkenaan, Syarikat ini adalah patuh kepada Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS), International Financial Reporting Standards dan Akta Syarikat, 1965 dan telah menggunakan dasar perakaunan yang wajar diterima pakai secara konsisten dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan kesemua piawai perakaunan yang dianggap perlu diterima pakai telah dipatuhi.

### Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Syarikat ini diterangkan pada muka surat 77 hingga 78 di dalam Laporan Tahunan ini.

### Hubungan Dengan Juruaudit

Laporan tentang peranan GBAC berhubung dengan juruaudit dalaman dan luar diterangkan pada muka surat 73 hingga 76 di dalam Laporan Tahunan ini. Menerusi GBAC, Syarikat ini telah mewujudkan hubungan yang telus dan profesional dengan juruaudit dalaman dalam Kumpulan ini dan juga juruaudit luar Syarikat ini. Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, juruaudit luar Syarikat ini telah menghadiri dua (2) mesyuarat yang diadakan dengan GBAC. Mesyuarat pertama adalah untuk melaporkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, dan mesyuarat kedua adalah untuk membentangkan rancangan dan skop audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Ganjaran juruaudit dan juga pembayaran yuran bukan audit dinyatakan pada muka surat 261 di dalam Laporan Tahunan ini.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN

## KEAHLIAN

Bagi tahun 2014, Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan ini terdiri daripada:

Datuk George Ratilal (Pengerusi)  
Y.M. Tengku Dato' Zafrul Tengku Abdul Aziz (dilantik pada 10 Februari 2014)

Encik Cheah Tek Kuang

Ahli Jawatankuasa terdiri daripada Pengarah bebas bukan eksekutif berdasarkan tafsiran umum Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Kesemua Pengarah tidak terbabit dalam urusan harian Kumpulan ini serta bebas daripada pihak Pengurusan. Kesemua Pengarah tidak memegang syer secara peribadi dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemegang syer utama Kumpulan ini. Tiada Pengarah, sama ada secara berkumpulan atau individu, yang menguasai atau mempengaruhi Jawatankuasa ini dalam membuat sesuatu keputusan. Para Pengarah berpeluang memberi pandangan bebas mereka untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini.

## KEHADIRAN DALAM MESYUARAT

Jawatankuasa ini telah mengadakan enam mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 yang turut dihadiri oleh Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Juruaudit Dalaman. Beberapa pegawai kanan Cagamas Berhad juga turut hadir pada mesyuarat tertentu atas jemputan Jawatankuasa. Kehadiran ahli Jawatankuasa ini dalam mesyuarat adalah seperti berikut:

Nama Ahli Jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Datuk George Ratilal	6/6
Y.M. Tengku Dato' Zafrul Tengku Abdul Aziz	2/6
Encik Cheah Tek Kuang	6/6

Juruaudit Luar Kumpulan ini, Tetuan PricewaterhouseCoopers telah menghadiri dua mesyuarat Jawatankuasa ini sepanjang tahun berkenaan untuk melaporkan keputusan audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dan membentangkan pelan audit dan skop kerja Kumpulan ini untuk tahun kewangan 2014.

## KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

### Bidang Kuasa

(a) Jawatankuasa ini tidak dikenakan sebarang sekatan dalam mendapatkan sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti mereka, dan mereka bebas bertemu dengan Juruaudit Dalaman dan Luar, dan pihak pengurusan syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini.

(b) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan khidmat nasihat undang-undang atau khidmat nasihat bebas dari ahli profesional luar serta menjemput pihak luar yang mempunyai pengalaman dan kepakaran yang berkaitan untuk menghadiri mesyuarat sekiranya perlu.

(c) Jawatankuasa ini diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyasat sebarang aktiviti dalam bidang kuasanya dan ahli-ahli Jawatankuasa berhak mengarahkan kesemua kakitangan untuk memberikan kerjasama sekiranya perlu.

### Saiz dan Komposisi

(a) Jawatankuasa ini hendaklah dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah bukan eksekutif dan mestilah mempunyai tidak kurang daripada tiga orang ahli yang majoritinya merupakan Pengarah bebas.

(b) Sekiranya jumlah ahli didapati kurang daripada tiga orang dalam apa juga keadaan, Lembaga Pengarah hendaklah mengisi kekosongan jawatan tersebut dalam tempoh tiga bulan.

(c) Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah melantik seorang Pengerusi, iaitu seorang Pengarah bebas dari kalangan mereka sendiri.

(d) Sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Jawatankuasa ini:

(i) mestilah merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants - MIA); atau

(ii) jika beliau bukan merupakan ahli MIA, beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman kerja dan:

- beliau mestilah lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian I dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau

- beliau mestilah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II dari Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967; atau

(iii) beliau mestilah memegang ijazah sarjana muda/sarjana/doktor falsafah dalam bidang perakaunan atau kewangan dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman pasca kelayakan dalam bidang perakaunan atau kewangan; atau

(iv) beliau mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan bagi sebuah syarikat korporat atau mempunyai fungsi yang memberi tanggungjawab utama untuk mengurus hal ehwal kewangan sebuah Syarikat Korporat.

(e) Kesemua ahli Jawatankuasa ini hendaklah tiada mempunyai pertalian, yang pada pendapat Lembaga Pengarah, akan mempengaruhi ahli tersebut dalam memberikan pendapat yang berkecuali ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli Jawatankuasa ini.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN

## Mesyuarat

- (a) Mesyuarat Jawatankuasa diadakan sekali pada setiap suku tahun atau mengikut kekerapan yang akan ditentukan oleh Pengerusi dan Jawatankuasa. Jemputan akan diberikan kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif untuk menghadiri mesyuarat. Jawatankuasa juga boleh menjemput mana-mana pihak untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu dalam perbincangan.

## Kuorum

- (a) Kuorum hendaklah terdiri daripada dua orang ahli.

## Setiausaha

- (a) Ketua Juruaudit Dalam merupakan Setiausaha kepada Jawatankuasa ini.

## Tugas dan Tanggungjawab

### Pelaporan Kewangan

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan ini yang disatukan sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan penyata tersebut mematuhi keperluan pendedahan dan penyelarasan yang dicadangkan oleh Juruaudit Luar. Ini termasuk:

- Menyemak laporan juruaudit dan syarat pembatasan (jika ada) yang mesti dibincangkan dengan teliti dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi menghilangkan keraguan juruaudit bagi audit yang akan datang;
- Perubahan dan penyelarasan dalam pembentangan penyata kewangan;
- Perubahan ketara dalam dasar dan prinsip perakaunan;
- Pematuhan piawai perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain;
- Keadaan turun naik yang nyata dalam penyata baki;
- Perubahan ketara dalam skop audit; dan
- Komitmen ketara atau liabiliti luar jangka.

- (b) Menyemak Penyata Kewangan Interim Diringkaskan setengah tahun bagi Cagamas Berhad dan anak-anak syarikatnya untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan pendedahan.

## Juruaudit Dalam

- (a) Menyemak skop dan keputusan tatacara Audit Dalam, termasuk:

- Pematuhan piawai audit dalaman, kawalan dalaman Kumpulan, dasar dan keperluan undang-undang yang lain;
- Kecukupan dasar dan tatacara serta kawalan dalaman yang sedia ada;
- Penyelarasan antara Juruaudit Dalam dan Luar;
- Pelaksanaan kebebasan dan profesionalisme dalam menjalankan tugas Audit Dalam;
- Melaporkan segala keputusan;
- Mencadangkan perubahan dalam dasar perakaunan kepada Lembaga Pengarah; dan
- Mencadangkan dan memastikan pelaksanaan langkah-langkah pemulihan serta pembetulan yang sesuai secara tetap.

- (b) Bertanggungjawab terhadap penentuan fungsi Audit Dalam, termasuk:

- Meluluskan Piagam Audit Dalam;
- Meluluskan Pelan Audit Dalam;
- Menilai prestasi dan menetapkan pakej imbuhan Naib Presiden/Ketua Juruaudit Dalam selaras dengan polisi ganjaran syarikat;
- Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber Jabatan Audit Dalam atau sekatan skop yang dihadapi semasa melaksanakan fungsi kerja;
- Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Juruaudit Dalam;
- Pemberitahuan tentang perletakan jawatan kakitangan Audit Dalam dan memberi peluang kepada kakitangan berkenaan mengemukakan alasan perletakan jawatan;
- Memastikan fungsi Audit Dalam mendapat pengiktirafan yang sewajarnya dalam Kumpulan ini;
- Menyelaraskan matlamat dan tujuan fungsi Audit Dalam dengan matlamat keseluruhan Kumpulan ini; dan
- Meletakkan Audit Dalam di bawah bidang kuasa dan penyeliaan langsung Jawatankuasa ini.

- (c) Menyemak laporan Audit Dalam sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkenaan di bawah Kumpulan ini dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings untuk makluman atau pengesahan.

- (d) Menilai segala penemuan audit dan memastikan tindakan wajar dan segera diambil oleh Pengurusan syarikat-syarikat yang berkenaan kepada kelemahan ketara dalam kawalan atau tatacara yang dikenalpasti.

#### **Juruaudit Luar**

- (a) Menilai objektiviti, prestasi dan kebebasan Juruaudit Luar.
- (b) Membincangkan dan menilai pelan audit luaran, penemuan-penemuan terhadap sistem kawalan dalaman (termasuk tindakan pengurusan dan laporan audit yang berkaitan).
- (c) Menyemak surat ikatan Juruaudit Luar dan maklumbalas dari pihak pengurusan.
- (d) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pelantikan Juruaudit Luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau penyingkiran Juruaudit Luar.
- (e) Membincangkan dengan Juruaudit Luar perkara yang berbangkit daripada audit pada tahun sebelumnya, menyemak skop pelan audit tahun semasa mereka serta penilaian mereka terhadap akaun dan sistem kawalan dalaman, termasuk penemuan serta tindakan susulan yang mereka cadangkan.
- (f) Menyemak perubahan dalam keperluan berkanun dan sebarang permasalahan audit yang ketara yang dijangka timbul hasil daripada pengalaman tahun sebelumnya atau yang disebabkan oleh perkembangan baru.
- (g) Menilai dan menyemak peranan Juruaudit Luar dari masa ke semasa.
- (h) Meluluskan peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh Juruaudit Luar, penilaian sama ada terdapat mana-mana potensi konflik yang timbul daripada perkhidmatan bukan audit tersebut.
- (i) Memastikan bahawa terdapat pemeriksaan yang betul supaya peruntukan bukan perkhidmatan audit tidak mengganggu pelaksanaan pertimbangan bebas Juruaudit.
- (j) Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat dengan Juruaudit Luar sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pihak pengurusan untuk membincangkan perkara penting yang memerlukan perhatian dan mendapatkan maklum balas.

#### **Transaksi Pihak Berkaitan**

- (a) Menyemak sebarang urusan dengan pihak berkaitan atau keadaan yang membabitkan percanggahan kepentingan yang ketara yang mungkin timbul dalam Kumpulan ini.
- (b) Menyemak sebarang urusan yang ketara, yang bukan merupakan sebahagian daripada perniagaan Kumpulan ini.

#### **Tanggungjawab Lain**

- (a) Menyemak cadangan pihak pengurusan untuk pembayaran dividen sebelum dibentangkan kepada Lembaga untuk kelulusan.
- (b) Melaksanakan sebarang fungsi yang ditugaskan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa.

#### **RINGKASAN AKTIVITI**

Sepanjang tahun kewangan 2014, Jawatankuasa ini telah melaksanakan tugasnya seperti yang telah ditetapkan dalam terma rujukan. Ringkasan aktiviti utama yang dijalankan oleh Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

#### **Audit Dalaman**

- (a) Menyemak dan meluluskan pindaan terhadap Piagam Audit Dalaman;
- (b) Menyemak dan meluluskan Pelan Audit Dalaman bagi tahun Kewangan Berakhir 2015 dan memastikan kecukupan skop audit dalaman dan perancangannya, fungsi-fungsi serta sumber-sumber fungsi audit dalaman yang perlu untuk menjalankan tugasnya;
- (c) Menyemak laporan, penemuan dan cadangan oleh Juruaudit Dalaman serta maklumbalas pihak pengurusan terhadap penemuan audit dan cadangan tersebut;
- (d) Menyemak laporan-laporan audit dalaman untuk memastikan bahawa tindakan pembaikan yang perlu telah diambil oleh pihak Pengurusan bagi menangani kaedah dan pelaksanaan cadangan yang dikemukakan oleh audit dalaman; dan
- (e) Memperuntukan penilaian bebas ke atas prestasi Ketua Juruaudit Dalaman.

#### **Audit Luar**

- (a) Menyemak skop serta perancangan juruaudit luar bagi tahun Kewangan Berakhir 2014;
- (b) Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah tentang perantikan semula Juruaudit Luar dan yuran audit; dan
- (c) Menyemak keputusan audit oleh Juruaudit Luar dan membincangkan penemuan dan perkara lain yang perlu diberi perhatian.

#### **Laporan Kewangan**

- (a) Menyemak penyata kewangan tahunan Kumpulan yang diaudit dan memastikan laporan kewangan mematuhi Piawaian Laporan Kewangan.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH KUMPULAN

## FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan ini mempunyai Jabatan Audit Dalaman yang mantap dan bertanggungjawab secara langsung kepada Jawatankuasa ini. Jabatan tersebut juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh dan berkesan. Jabatan Audit Dalaman ini bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit lain bagi membolehkannya menyediakan laporan yang bebas dan objektif kepada pihak Jawatankuasa mengenai kedudukan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses tadbir urus Kumpulan ini.

Jabatan Audit Dalaman melaksanakan fungsi audit dalaman Kumpulan menurut Piagam Audit dan Pelan Audit Tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa ini. Pelan audit tersebut dibuat berdasarkan keputusan yang diperolehi daripada proses penilaian risiko bersistematik yang telah mengenalpasti, memberi keutamaan dan menghubungkan risiko-risiko dengan proses dan lingkungan pengauditan utama. Proses penilaian risiko ini juga membolehkan Jabatan Audit Dalaman memberi keutamaan kepada sumber dan bahagian yang akan diaudit.

Audit yang dilaksanakan pada sepanjang tahun kewangan 2014 menitikberatkan penilaian dan penyemakan bebas ke atas penilaian risiko, keberkesanan operasi bagi kawalan dalaman, dan keperluan pengawalseliaan di seluruh Kumpulan. Laporan audit dalaman diserahkan kepada Jawatankuasa ini untuk dipertimbangkan. Ini membolehkan Jawatankuasa ini melaksanakan fungsi penyeliaannya dengan merumuskan pendapat berhubung kecukupan langkah-langkah yang diambil oleh pihak pengurusan.

Amalan Profesional Piawai Antarabangsa (Piawai) oleh Institut Audit Dalaman (IIA) digunakan di mana perlu sebagai satu panduan berwibawa bagi kaedah audit dalaman.

# PENYATA KAWALAN DALAMAN

## TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah Cagamas Holdings Berhad (Lembaga Pengarah) beserta Lembaga Pengarah syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini mengesahkan tanggungjawab mereka di dalam memastikan Kumpulan ini mengekalkan suatu sistem kawalan dalaman yang mantap dan berkesan bagi menyokong pencapaian matlamat Kumpulan ini. Sistem kawalan dalaman berkenaan merangkumi antara lainnya, pengurusan risiko, kewangan, strategi, organisasi, operasi dan pematuhan kawalan. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah sedia maklum bahawa sistem tersebut dirangka untuk mengurus dan mengawal risiko ke tahap yang munasabah dan bukan untuk menghapuskan risiko tidak mematuhi polisi Kumpulan dan mencapai matlamat perniagaan. Oleh itu, sistem berkenaan dapat memberi jaminan yang sewajarnya, tetapi bukannya jaminan mutlak terhadap salah nyata ketara berkenaan maklumat kewangan.

Peranan pihak pengurusan ialah melaksanakan polisi yang digariskan oleh Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi serta merangka, mengendali dan memantau sistem kawalan dalaman yang bersesuaian bagi mengurangkan dan mengawal risiko berkenaan.

## PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah (BRC) Cagamas Berhad dipertanggungjawabkan menyelia pengurusan risiko yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan dan operasi Kumpulan ini. Dalam hal ini, BRC menyelia pembangunan strategi pengurusan risiko, polisi, proses-proses dalaman utama dan sistem bertujuan menilai, mengukur, mengurus, memantau dan melaporkan kedudukan pendedahan risiko Kumpulan ini. BRC melaporkan secara langsung kepada Lembaga Pengarah Cagamas Berhad yang kemudiannya memaklumkan kepada Lembaga Pengarah Cagamas Holdings berhubung segala keputusan yang dibuat berkenaan dengan penilaian risiko dan perkara-perkara yang berkaitan.

BRC dibantu oleh Jabatan Pengurusan Risiko Cagamas Berhad (RMD) yang menyediakan khidmat sokongan pengurusan risiko terutamanya bagi perniagaan dan operasi Cagamas Berhad, iaitu entiti utama Kumpulan ini di samping khidmat kepada lain-lain syarikat di dalam Kumpulan ini. Keputusan penilaian risiko dan lain-lain penemuan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan ini. Secara umumnya prinsip-prinsip pengurusan risiko Kumpulan ini adalah berlandaskan garis panduan Bank Negara Malaysia dan amalan-amalan terbaik di dalam industri.

## PROSES KAWALAN DALAMAN UTAMA

Sistem kawalan dalaman Kumpulan merangkumi proses utama seperti berikut:

### Kuasa dan Tanggungjawab

- Struktur organisasi, profil pekerjaan dan bidang keberhasilan utama yang menggariskan dengan jelas tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, sejajar dengan keperluan perniagaan dan operasi.
- Menetapkan dengan jelas garisan tanggungjawab dan penugasan autoriti untuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, pihak Pengurusan, dan kakitangan.
- Pihak Pengurusan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan, Jawatankuasa Aset Liabiliti, Jawatankuasa Pemandu IT, Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan dan Jawatankuasa Pengurusan Kesyukuran Perniagaan sebagai sebahagian daripada fungsi pengawasan bagi memastikan pengurusan dan pengawalan yang berkesan dalam bidang masing-masing.

### Perancangan, Pemantauan dan Laporan

- Pelan perniagaan tahunan dan belanjawan dibangunkan, dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah sebelum pelaksanaan. Di samping itu, prestasi sebenar akan dikaji setiap bulan berdasarkan prestasi yang disasarkan bagi langkah pembetulan untuk mengurangkan risiko. Hasil kajian prestasi itu dilaporkan kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun. Di mana perlu, Rancangan Perniagaan dan Belanjawan disemak pada pertengahan tahun, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam keadaan perniagaan.
- Melaporkan secara berkala kepada Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat yang berkaitan di dalam Kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Laporan-laporan tentang kedudukan kewangan, kedudukan pinjaman dan hutang yang dibeli, bon dan nota yang diterbitkan, dan urusniaga swap kadar faedah diserahkan kepada Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali pada setiap suku tahun. Isu-isu lain seperti perundangan, perakaunan atau hal-hal strategik juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah sekiranya perlu.
- Menyediakan maklumat menyeluruh dan berkala yang merangkumi laporan kewangan dan operasi kepada pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

### Polisi dan Tatacara

- Mendokumenkan dengan jelas dan secara formal polisi dalaman dan manual tatacara untuk memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman dan undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Semakan secara berkala dilaksanakan untuk memastikan dokumentasi polisi dan tatacara sentiasa dikemaskini dan relevan.

## PENYATA KAWALAN DALAMAN

### Penilaian Bebas oleh Jabatan Audit Dalaman

- a) Jabatan Audit Dalaman memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah melalui penilaian bebas terhadap kecukupan, keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman. Ia mengadaptasi pendekatan berasaskan risiko selaras dengan pelan audit tahunan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa. Keputusan audit dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan, telah bermesyuarat sebanyak enam kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.
- b) Pelan audit dan laporan audit juga diserahkan kepada Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah syarikat-syarikat di dalam Kumpulan bagi memaklumkan sebarang kelemahan dalam sistem kawalan dalaman. Sepanjang tahun kewangan ini, beberapa kelemahan telah dikenal pasti, namun ianya tidak mengakibatkan kerugian ketara, luar jangkaan atau ketidakpastian atau kesan terhadap risiko reputasi yang memerlukan pendedahan di dalam Laporan Tahunan.

### Pengukuran Prestasi dan Kompetensi Kakitangan

- a) Indeks Prestasi Utama (KPIs), yang berasaskan kepada pendekatan Kad Skor seimbang, digunakan untuk memantau dan mengukur prestasi kakitangan.
- b) Mempunyai garis panduan yang sesuai untuk tujuan pengambilan dan pemecatan kakitangan, program latihan yang formal untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang relevan bagi memastikan kakitangan yang cekap dan terlatih dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

### Perancangan Kesenambungan Perniagaan

- a) Mempunyai Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP), termasuk Pelan Pemulihan Bencana bagi memastikan kesinambungan operasi perniagaan.

## KESIMPULAN

Sistem kawalan dalaman yang wujud di sepanjang tahun tinjauan sehingga tarikh laporan tahunan dan penyata kewangan diterbitkan adalah mantap dan mencukupi untuk melindungi pelaburan para pemegang saham, kepentingan para pelanggan, pihak berkuasa dan kakitangan dan juga aset Kumpulan ini.



# PENGURUSAN RISIKO

**Kumpulan Cagamas mengambil pandangan holistik dan menyeluruh dalam pengurusan risiko bagi kesemua anak syarikat melalui penilaian risiko malar.**

## **RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO PERUSAHAAN (ERM)**

Rangka Kerja ERM membentuk sebahagian daripada budaya Cagamas dan tertanam ke dalam proses perniagaan dan amalan. Lembaga Pengarah telah meluluskan butiran Rangka Kerja ERM yang meliputi tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Lembaga Pengarah ("BOD"), Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah ("BRC"), Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO"), Ketua Pegawai Risiko ("CRO"), Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif ("MEC"), Jawatankuasa Aset Liabiliti ("ALCO"), Jabatan Pengurusan Risiko ("RMD"), Jabatan Audit Dalaman ("IAD") dan pekerja Cagamas.

Rangka Kerja ERM menjurus ke arah mencapai objektif Cagamas, yang ditetapkan dalam empat kategori:

- Strategik – matlamat peringkat tinggi, sejajar dan menyokong misinya
- Operasi – cekap dan berkesan dalam penggunaan sumber
- Kewangan – keuntungan dan kemapanan prestasi
- Laporan & Pematuhan – kebolehppercayaan pelaporan dan pematuhan dengan undang-undang dan peraturan yang berkaitan

Selaras dengan rangka kerja ERM, tiga barisan pertahanan dalam pengurusan risiko diamalkan dalam Kumpulan. Unit-unit perniagaan yang merupakan barisan pertama pertahanan bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengurungi dan mengurus risiko dalam kegiatan perniagaan mereka. Mereka juga memastikan bahawa kegiatan harian mereka dilaksanakan mengikut polisi, tatacara dan had risiko yang telah ditetapkan.

Jabatan Pengurusan Risiko (RMD) yang bebas memainkan peranan sebagai barisan pertahanan kedua dengan menyediakan sumber yang khusus untuk mengurus risiko secara proaktif. Ini termasuk menilai risiko pendedahan dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. RMD juga bertanggungjawab memastikan polisi risiko dilaksanakan sebagaimana sepatutnya.

Jabatan Audit Dalaman yang menjadi barisan pertahanan ketiga bertanggungjawab untuk menyemak secara bebas kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada polisi risiko.

## **STRUKTUR TADBIR URUS RISIKO**

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan Cagamas. Ia menyediakan pengawasan untuk memastikan bahawa pihak Pengurusan mempunyai sistem dan amalan pengurusan risiko yang sesuai untuk mengurus risiko yang berkaitan dengan operasi dan aktiviti Syarikat. Lembaga Pengarah menetapkan selera risiko dan tahap toleransi yang konsisten dengan objektif perniagaan secara keseluruhan serta profil risiko yang diinginkan oleh Kumpulan. Lembaga Pengarah turut menyemak dan meluluskan kesemua dasar pengurusan risiko dan pendedahan risiko yang penting.

Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah membantu Lembaga Pengarah dengan memastikan wujudnya pengawasan berkesan dan pembangunan strategi, dasar dan infrastruktur untuk menguruskan risiko Kumpulan ini. BRC disokong oleh jawatankuasa pengurusan yang menangani risiko utama yang dikenal pasti.

MEC dan ALCO yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan adalah dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan melaksanakan fungsi pengawasan bagi peruntukan modal dan had risiko keseluruhan, diselaraskan kepada selera risiko yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan juga bertanggungjawab untuk melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan memastikan bahawa terdapat prosedur operasi yang mencukupi dan berkesan, kawalan dalaman dan sistem untuk menyokong polisi tersebut.

RMD adalah bertanggungjawab untuk mengenalpasti, mengukur, menganalisa, mengawal, memantau dan melaporkan pendedahan risiko secara bebas dan menyelaraskan pengurusan risiko secara menyeluruh. Ianya bebas daripada jabatan-jabatan lain yang terlibat dalam aktiviti pengambilan risiko dan melapor terus kepada BRC.

## **PENGURUSAN RISIKO STRATEGIK**

Risiko strategik ialah risiko tidak mencapai strategi korporat dan matlamat Kumpulan. Ini mungkin disebabkan oleh faktor dalaman seperti kelemahan dalam perancangan prestasi, pelaksanaan dan pemantauan dan faktor luaran seperti persekitaran pasaran.

Pengurusan risiko strategik ditangani melalui pembabitan Lembaga Pengarah dalam penetapan matlamat strategik Kumpulan. Lembaga Pengarah sentiasa dikemaskini tentang hal-hal yang menjejaskan pelaksanaan strategi korporat dan urus niaga korporat.

## **PENGURUSAN RISIKO KREDIT**

Risiko kredit ialah potensi kerugian kewangan akibat kegagalan seseorang peminjam atau rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kewangan atau kontraknya. Risiko kredit dalam Kumpulan ini timbul dari Pembelian dengan Rekurs (PWR) dan Pembelian tanpa Rekurs (PWOR), program jaminan gadai janji, pelaburan dan aktiviti perlindungan nilai perbendaharaan.

## PENGURUSAN RISIKO

Tujuan utama pengurusan risiko kredit adalah untuk mengurus risiko dan had-had kredit secara proaktif bagi memastikan semua pendedahan terhadap risiko kredit adalah dalam lingkungan parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk menahan potensi kepada kerugian. Kegiatan pelaburan adalah berpandukan polisi dan garis panduan kredit dalaman yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Tatacara tertentu untuk mengurus risiko kredit ditentukan pada peringkat perniagaan berdasarkan persekitaran risiko dan tujuan perniagaan.

### PENGURUSAN RISIKO PASARAN DAN KECAIRAN

Risiko pasaran ialah potensi kerugian yang timbul akibat pergerakan bertentangan harga dan kadar pasaran. Di dalam Kumpulan ini, risiko pasaran hanya terhad kepada risiko kadar faedah dan pertukaran asing memandangkan Kumpulan ini tidak terlibat dalam sebarang kegiatan ekuiti atau perdagangan komoditi. Risiko kadar faedah adalah minimum kerana urusan perdagangan adalah dilarang. Risiko pertukaran asing yang timbul daripada penerbitan bon denominasi mata wang asing adalah sebahagian besarnya dilindungi nilai dengan membuat swap matawang bersilang dengan rakan niaga yang kukuh. Risiko kecairan timbul sekiranya Kumpulan ini tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangannya apabila ia matang.

Kumpulan ini mengurus risiko pasaran dan kecairan dengan mengenakan had ambang yang dipersetujui oleh pihak pengurusan dalam lingkungan parameter yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan hubungan risiko-ganjaran. Ia juga berpegang kepada polisi padanan pembiayaan yang ketat di mana semua pembelian aset dibiayai oleh bon yang hampir padan dari segi saiz, jangka masa dan mencukupi dari segi aliran tunai. Satu mekanisme mudah tunai pandang ke hadapan telah sedia ada untuk menggalakkan pengurusan aliran tunai yang cekap dan berkesan sambil mengelakkan konsentrasi pembiayaan yang berlebihan. Kumpulan merancang aliran tunainya dan mengawasi dengan teliti setiap urusan niaga perniagaan bagi memastikan terdapatnya dana yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perniagaan pada setiap masa. Rizab kecairan, yang terdiri daripada sekuriti hutang boleh niaga, juga disediakan untuk menghadapi kekurangan aliran tunai diluar jangkaan atau keadaan ekonomi yang buruk dalam pasaran kewangan.

### PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Risiko operasi adalah risiko kerugian akibat kekurangan atau kegagalan proses dalaman, manusia dan sistem atau akibat daripada peristiwa-peristiwa luaran. Setiap unit perniagaan/sokongan membuat penilaian sendiri terhadap risiko dan kawalan persekitaran untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko operasi. Kumpulan telah mewujudkan kawalan dalaman, sistem dan tatacara yang menyeluruh yang tertakluk kepada kekerapan kajian semula oleh juruaudit dalam dan luar. Pelan Kesenambungan Perniagaan telah disediakan untuk meminimalkan gangguan luar jangka dan mengurangkan masa untuk pemulihan operasi.

### RISIKO REPUTASI

Tanggapan tentang reputasi dan imej Kumpulan ini oleh para pelanggan, pelabur, pengawal selia dan masyarakat umum adalah penting bagi Kumpulan ini untuk terus berkembang dan maju dalam perniagaan dan operasinya. Oleh itu, risiko reputasi bergantung kepada sifat/model perniagaan, pemilihan pelanggan/rakan niaga dan keutuhan dan keberkesanan proses-proses perniagaan.

Pemeriksaan yang ketat tentang para pelanggan berpotensi dan reka bentuk perniagaan yang selaras dengan piawaian dan pematuhan peraturan kawalan selia yang tinggi diterapkan untuk menjaga reputasi dan imej perniagaan Kumpulan ini.

### RISIKO KETIDAKPATUHAN SYARIAH

Pihak Syarikat berunding dan mendapatkan sokongan/pelepasan daripada Penasihat Syariah bebas bagi semua produk dan transaksi Islam bagi memastikan pematuhan kepada keperluan Syariah. Di samping itu, pihak Syarikat mendapat kelulusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti untuk produk Islamnya.

Audit dalaman yang berkala dilakukan untuk mengesahkan bahawa operasi Islam yang dijalankan oleh unit-unit perniagaan adalah mematuhi keputusan yang disahkan oleh Penasihat Syariah. Sebarang insiden ketidakpatuhan Syariah dilaporkan kepada kedua-dua Penasihat Syariah dan Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Kumpulan.

Sepanjang tempoh kewangan yang ditinjau, tidak ada peristiwa ketidakpatuhan Syariah.

## INISIATIF UTAMA PENGURUSAN RISIKO

Pada tahun ini, Cagamas telah menyiapkan inisiatif-inisiatif berikut untuk mengukuhkan proses pengurusan risiko dan kawalannya:

### Penjajaran Selera Risiko

- Kumpulan melaksanakan Rangka Kerja Penyata Tahap Selera Risiko dan komited untuk terus menanam selera risiko di seluruh Kumpulan. Pernyataan selera risiko yang diluluskan juga berfungsi sebagai panduan kepada organisasi dalam pembangunan strategi/perancangan perniagaan dan dikaji semula secara berkala bagi memastikan ia terus relevan.
- Selain daripada kenyataan selera risiko tahap tinggi, pernyataan lebih terperinci juga telah dibuat dan diterjemahkan kepada had risiko dan toleransi yang menentukan sempadan di mana Syarikat perlu beroperasi di samping melaksanakan peranan pembangunannya di pasaran.
- Pernyataan selera risiko dan had risiko dan toleransi adalah diukur, dipantau dan dilaporkan secara berkala kepada Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, Jawatankuasa Risiko Lembaga Pengarah dan Lembaga Pengarah.

### Penanaman Budaya Risiko

- Lembaga Pengarah percaya bahawa budaya risiko yang sihat adalah penting bagi membina pengurusan risiko dan tadbir urus yang berkesan. Dalam hal ini satu "Indeks Budaya Risiko" telah diwujudkan dan dilaksanakan dengan objektif untuk mengukuhkan budaya risiko dalam organisasi.
- Untuk mewujudkan kesedaran risiko di kalangan kakitangan, pasukan Pengurusan Risiko telah memulakan kempen kesedaran risiko yang pertama di mana kakitangan di semua peringkat secara aktif telah mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan.

## Penambahbaikan Proses Pengurusan Risiko dan Kawalan

- Kumpulan menganggap kedudukan modal yang kukuh adalah penting untuk strategi perniagaan Kumpulan. Justeru itu, Proses Penilaian Kecukupan Modal Dalaman (ICAAP) termasuk proses ujian tekanan sedang dikaji semula untuk memastikan Syarikat mengekalkan modal yang cukup untuk menyokong profil risikonya.
- Untuk mengurangkan pergantungan kepada penilaian luaran, sebuah kad skor penarafan kredit dalaman untuk syarikat-syarikat korporat dan pajakan di bawah perniagaan PWR telah diwujudkan pada tahun ini. Kewujudan kad skor penarafan kredit dalaman ini akan diteruskan bagi meliputi lain-lain jenis rakan niaga dan pelaksanaan akan dilakukan melalui pendekatan fasa berperingkat.
- Pencetusan konsentrasi kredit telah dikaji semula untuk mengukuhkan pengurusan risiko kredit selaras dengan strategi perniagaan baru dan inisiatif. Satu "Dasar Klasifikasi Kredit & Pengurusan Pemulihan untuk Masalah Pinjaman/Pembiayaan" yang telah dikemaskini dan dilaksanakan sebagai pencetus kepada kewujudan isyarat amaran awal untuk pemantauan yang berkesan.
- Memandangkan keperluan untuk mendapatkan landskap pandangan risiko yang menyeluruh dalam memastikan tiada gangguan operasi semasa bencana, Analisa Kesan Perniagaan yang ditambahbaik telah diwujudkan dan dilaksanakan pada tahun ini. Ini akan menyumbang kepada pembangunan pelan kesinambungan perniagaan yang lebih menyeluruh.

### Pengukuhan Tadbir Urus Risiko

- Untuk memperkukuh tadbir urus risiko kami, Lembaga Pengarah telah meluluskan Polisi Urus Tadbir Risiko di mana semua pengurusan risiko dan kawalan dalaman polisi dan prosedur diwujudkan berdasarkan 13 prinsip-prinsip yang dinyatakan di dalam Polisi Urus Tadbir Risiko BNM. Prinsip-prinsip ini adalah asas dan pelengkap kepada garis panduan yang lain dan amalan yang baik yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah terhadap pengurusan risiko perniagaan dan risiko tertentu seperti kredit, pasaran dan mudah tunai dan risiko operasi.






Supporting the  
**housing  
market**  
to secure a brighter future

Menyokong pasaran perumahan untuk  
menjamin masa depan yang lebih cerah


# STATISTICAL INFORMATION

## MAKLUMAT PERANGKAAN

### COUNTERPARTIES EXPOSURE BY RATINGS PENDEDAHAN KEPADA RAKAN NIAGA MENGIKUT PENARAFAN



### COMPARISON BETWEEN OUTSTANDING CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES AND LOANS/FINANCING HELD PERBANDINGAN DI ANTARA SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS DAN PINJAMAN/PEMBIAYAAN DALAM PEGANGAN



**CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES OUTSTANDING AS AT 31 DECEMBER 2014**  
**SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2014**

					Conventional/Konvensional					Islamic/Islam			
Date Issued	Tenure (Years)	Coupon Rate (% per annum)	Maturity Date	Remaining Maturity (Years)	Medium Term Notes	Commercial Paper	Residential Mortgage-backed Securities	Secured Credit Linked Notes	Foreign Currency Debts	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Residential Mortgage-backed Securities
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Nota Berkaitan Kredit Bercagar	Hutang dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
RM million/RM juta													
<b>2005</b>													
08.08.2005	10	4.710	07.08.2015	0.60									515
08.08.2005	12	5.010	08.08.2017	2.61									410
08.08.2005	15	5.270	07.08.2020	5.61									400
12.12.2005	10	5.100	11.12.2015	0.95			320						
12.12.2005	12	5.340	12.12.2017	2.95			345						
12.12.2005	15	5.650	11.12.2020	5.95			385						
12.12.2005	20	5.920	12.12.2025	10.96			265						
<b>2007</b>													
29.05.2007	10	3.900	29.05.2017	2.41									400
29.05.2007	12	4.020	29.05.2019	4.41									245
29.05.2007	15	4.170	27.05.2022	7.41									320
29.05.2007	20	4.340	28.05.2027	12.41									290
22.08.2007	10	4.520	22.08.2017	2.64			525						
22.08.2007	12	4.700	22.08.2019	4.64			260						
22.08.2007	15	4.900	22.08.2022	7.65			250						
22.08.2007	20	5.080	20.08.2027	12.64			105						
31.10.2007	10	4.640	31.10.2017	2.84	455								
31.10.2007	12	4.800	31.10.2019	4.84	320								
<b>2008</b>													
08.08.2008	7	5.300	07.08.2015	0.60	60								
08.08.2008	12	6.000	07.08.2020	5.61	65								
08.08.2008	20	6.500	08.08.2028	13.61	90								
08.08.2008	7	5.300	07.08.2015	0.60						215			
08.08.2008	10	5.800	08.08.2018	3.61						155			
08.08.2008	12	6.000	07.08.2020	5.61						235			
08.08.2008	15	6.350	08.08.2023	8.61						305			
08.08.2008	20	6.500	08.08.2028	13.61						370			
10.10.2008	7	5.190	09.10.2015	0.77	185								
10.10.2008	10	5.710	10.10.2018	3.78	140								
10.10.2008	12	5.900	09.10.2020	5.78	105								
10.10.2008	15	6.050	10.10.2023	8.78	140								
10.10.2008	20	6.250	10.10.2028	13.79	340								
10.10.2008	7	5.190	09.10.2015	0.77						30			
10.10.2008	10	5.710	10.10.2018	3.78						40			
10.10.2008	12	5.900	09.10.2020	5.78						25			
10.10.2008	15	6.050	10.10.2023	8.78						30			
10.10.2008	20	6.250	10.10.2028	13.79						35			
<b>2009</b>													
30.03.2009	7	4.860	30.03.2016	1.25	140								
30.03.2009	10	5.270	29.03.2019	4.24	190								
30.03.2009	12	5.370	30.03.2021	6.25	105								
30.03.2009	15	5.460	29.03.2024	9.25	150								
30.03.2009	20	5.690	30.03.2029	14.25	150								

## STATISTICAL INFORMATION

### MAKLUMAT PERANGKAAAN

#### CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES OUTSTANDING AS AT 31 DECEMBER 2014 (CONTINUED) SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)

					Conventional/Konvensional					Islamic/Islam			
Date Issued	Tenure (Years)	Coupon Rate (% per annum)	Maturity Date	Remaining Maturity (Years)	Medium Term Notes	Commercial Paper	Residential Mortgage-backed Securities	Secured Credit Linked Notes	Foreign Currency Debts	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Residential Mortgage-backed Securities
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Nota Berkaitan Kredit Bercagar	Hutang dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
RM million/RM juta													
<b>2009</b>													
30.03.2009	7	4.860	30.03.2016	1.25						115			
30.03.2009	10	5.270	29.03.2019	4.24						170			
30.03.2009	12	5.370	30.03.2021	6.25						115			
30.03.2009	15	5.460	29.03.2024	9.25						155			
30.03.2009	20	5.690	30.03.2029	14.25						80			
17.07.2009	7	4.930	18.07.2016	1.55	85								
17.07.2009	10	5.280	17.07.2019	4.55	120								
17.07.2009	12	5.380	19.07.2021	6.55	80								
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	9.55	100								
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	14.55	50								
17.07.2009	7	4.930	18.07.2016	1.55						65			
17.07.2009	10	5.280	17.07.2019	4.55						90			
17.07.2009	12	5.380	19.07.2021	6.55						60			
17.07.2009	15	5.520	17.07.2024	9.55						70			
17.07.2009	20	5.750	17.07.2029	14.55						55			
03.09.2009	7	4.700	02.09.2016	1.67	85								
03.09.2009	10	5.050	03.09.2019	4.68	115								
03.09.2009	12	5.120	03.09.2021	6.68	65								
03.09.2009	15	5.280	03.09.2024	9.68	90								
26.11.2009	7	4.710	25.11.2016	1.90	70								
26.11.2009	10	5.030	26.11.2019	4.91	95								
26.11.2009	12	5.150	26.11.2021	6.91	60								
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	9.91	85								
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	14.92	45								
26.11.2009	7	4.710	25.11.2016	1.90						60			
26.11.2009	10	5.030	26.11.2019	4.91						85			
26.11.2009	12	5.150	26.11.2021	6.91						60			
26.11.2009	15	5.270	26.11.2024	9.91						80			
26.11.2009	20	5.500	26.11.2029	14.92						45			
<b>2010</b>													
27.04.2010	5	4.350	27.04.2015	0.32						500			
14.05.2010	5	4.300	14.05.2015	0.37						300			
03.09.2010	5	3.820	03.09.2015	0.67						10			
03.09.2010	7	4.050	01.09.2017	2.67						5			
03.09.2010	10	4.360	03.09.2020	5.68						10			
03.09.2010	12	4.480	02.09.2022	7.68						5			
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	10.68						5			
03.09.2010	5	3.820	03.09.2015	0.67	10								
03.09.2010	7	4.050	01.09.2017	2.67	10								
03.09.2010	10	4.360	03.09.2020	5.68	15								
03.09.2010	12	4.480	02.09.2022	7.68	10								
03.09.2010	15	4.650	03.09.2025	10.68	5								
20.10.2010	6	3.850	20.10.2016	1.81						500			
20.10.2010	7	3.980	20.10.2017	2.81	1,000								



**CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES OUTSTANDING AS AT 31 DECEMBER 2014 (CONTINUED)**  
**SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)**

					Conventional/Konvensional					Islamic/Islam			
Date Issued	Tenure (Years)	Coupon Rate (% per annum)	Maturity Date	Remaining Maturity (Years)	Medium Term Notes	Commercial Paper	Residential Mortgage-backed Securities	Secured Credit Linked Notes	Foreign Currency Debts	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Residential Mortgage-backed Securities
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Nota Berkaitan Kredit Bercagar	Hutang dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
RM million/RM juta													
<b>2011</b>													
24.02.2011	4	4.050	24.02.2015	0.15						400			
07.04.2011	5	4.000	07.04.2016	1.27						10			
07.04.2011	7	4.250	06.04.2018	3.27						5			
07.04.2011	10	4.650	07.04.2021	6.27						5			
07.04.2011	12	4.760	07.04.2023	8.27						5			
07.04.2011	15	4.920	07.04.2026	11.27						10			
11.11.2011	5	3.730	11.11.2016	1.87	825								
20.12.2011	5	3.650	20.12.2016	1.97	10								
20.12.2011	7	3.950	20.12.2018	3.97	10								
20.12.2011	10	4.150	20.12.2021	6.98	5								
20.12.2011	12	4.250	20.12.2023	8.98	10								
20.12.2011	15	4.410	18.12.2026	11.97	10								
20.12.2011	5	3.650	20.12.2016	1.97						5			
20.12.2011	7	3.950	20.12.2018	3.97						5			
20.12.2011	10	4.150	20.12.2021	6.98						5			
20.12.2011	12	4.250	20.12.2023	8.98						5			
20.12.2011	15	4.410	18.12.2026	11.97						10			
<b>2012</b>													
28.03.2012	3	3.500	27.03.2015	0.24							355		
28.03.2012	5	3.700	28.03.2017	2.24							80		
13.07.2012	3	3.400	13.07.2015	0.53							50		
13.07.2012	5	3.550	13.07.2017	2.53							420		
29.08.2012	3	3.350	28.08.2015	0.66	50								
29.08.2012	4	3.470	29.08.2016	1.66	15								
11.09.2012	3	3.380	11.09.2015	0.70							90		
11.09.2012	4	3.500	09.09.2016	1.69							85		
11.09.2012	5	3.600	11.09.2017	2.70							135		
24.10.2012	3	3.450	23.10.2015	0.81	5								
24.10.2012	5	3.630	24.10.2017	2.82	50								
31.10.2012	3	3.450	30.10.2015	0.83	100								
31.10.2012	10	3.910	31.10.2022	7.84	450								
31.10.2012	15	4.170	29.10.2027	12.84	20								
04.12.2012	3	3.350	04.12.2015	0.93	10								
04.12.2012	5	3.500	04.12.2017	2.93	5								
04.12.2012	7	3.750	04.12.2019	4.93	5								
04.12.2012	10	3.900	02.12.2022	7.93	5								
04.12.2012	12	4.000	04.12.2024	9.93	5								
04.12.2012	15	4.140	03.12.2027	12.93	5								
04.12.2012	3	3.350	04.12.2015	0.93						10			
04.12.2012	5	3.500	04.12.2017	2.93						15			
04.12.2012	7	3.750	04.12.2019	4.93						20			
04.12.2012	10	3.900	02.12.2022	7.93						20			
04.12.2012	12	4.000	04.12.2024	9.93						10			
04.12.2012	15	4.140	03.12.2027	12.93						15			

## STATISTICAL INFORMATION

### MAKLUMAT PERANGKAAAN

#### CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES OUTSTANDING AS AT 31 DECEMBER 2014 (CONTINUED) SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)

					Conventional/Konvensional					Islamic/Islam			
Date Issued	Tenure (Years)	Coupon Rate (% per annum)	Maturity Date	Remaining Maturity (Years)	Medium Term Notes	Commercial Paper	Residential Mortgage-backed Securities	Secured Credit Linked Notes	Foreign Currency Debts	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Residential Mortgage-backed Securities
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Nota Berkaitan Kredit Bercagar	Hutang dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
RM million/RM juta													
<b>2012</b>													
07.12.2012	3	3.500	07.12.2015	0.93									
07.12.2012	4	3.580	07.12.2016	1.94									40
07.12.2012	5	3.660	07.12.2017	2.94									40
21.12.2012	3	3.500	21.12.2015	0.97						575			70
<b>2013</b>													
10.01.2013	3	3.450	08.01.2016	1.02						20			
10.01.2013	5	3.600	10.01.2018	3.03						90			
28.05.2013	3	3.400	27.05.2016	1.41						450			
27.06.2013	2	3.400	26.06.2015	0.48	80								
12.08.2013	3	3.500	08.08.2016	1.61						180			
12.08.2013	3	3.500	08.08.2016	1.61						50			
12.08.2013	3	3.500	08.08.2016	1.61	180								
17.09.2013	2	3.600	17.09.2015	0.71	60								
17.09.2013	3	3.750	15.09.2016	1.71	15								
28.10.2013	3	3.650	28.10.2016	1.83						275			
28.10.2013	5	3.950	26.10.2018	3.82						330			
28.10.2013	7	4.150	28.10.2020	5.83						390			
28.10.2013	10	4.300	27.10.2023	8.83						645			
28.10.2013	12	4.550	28.10.2025	10.83						450			
28.10.2013	15	4.750	27.10.2028	13.83						675			
28.10.2013	20	5.000	28.10.2033	18.84						675			
29.10.2013	3	3.650	28.10.2016	1.83						290			
18.11.2013	3	3.550	18.11.2016	1.88	225								
18.11.2013	5	3.900	16.11.2018	3.88	300								
18.11.2013	7	4.100	18.11.2020	5.89	310								
18.11.2013	10	4.300	17.11.2023	8.88	375								
18.11.2013	12	4.550	18.11.2025	10.89	410								
18.11.2013	15	4.750	17.11.2028	13.89	460								
20.12.2013	3	3.750	20.12.2016	1.97						20			
20.12.2013	5	4.050	20.12.2018	3.97						20			
20.12.2013	7	4.350	18.12.2020	5.97						20			
20.12.2013	10	4.600	20.12.2023	8.98						5			

**CAGAMAS GROUP DEBT SECURITIES OUTSTANDING AS AT 31 DECEMBER 2014 (CONTINUED)**  
**SEKURITI HUTANG KUMPULAN CAGAMAS YANG BELUM DITEBUS PADA 31 DISEMBER 2014 (SAMBUNGAN)**

					Conventional/Konvensional					Islamic/Islam			
Date Issued	Tenure (Years)	Coupon Rate (% per annum)	Maturity Date	Remaining Maturity (Years)	Medium Term Notes	Commercial Paper	Residential Mortgage-backed Securities	Secured Credit Linked Notes	Foreign Currency Debts	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Residential Mortgage-backed Securities
Tarikh Diterbitkan	Tempoh (Tahun)	Kadar Kupon (% setahun)	Tarikh Matang	Baki Tempoh Matang (Tahun)	Nota Jangka Sederhana	Surat Perdagangan	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman	Nota Berkaitan Kredit Bercagar	Hutang dalam Mata wang Asing	Sukuk Murabahah	Sukuk Wakalah Bil Istithmar	Sukuk Al-Amanah Li Al-Istithmar	Sekuriti Bersandarkan Gadai janji Kediaman
RM million/RM juta													
<b>2014</b>													
27.01.2014	1	3.400	28.01.2015	0.08	65								
27.01.2014	2	3.600	27.01.2016	1.07	55								
06.06.2014	2	3.800	06.06.2016	1.43	40								
25.06.2014	1	3.590	26.06.2015	0.48						500			
08.07.2014	1	3.700	09.07.2015	0.52						30			
08.07.2014	1	3.700	09.07.2015	0.52						50			
08.07.2014	2	3.880	11.07.2016	1.53						15			
08.07.2014	2	3.880	11.07.2016	1.53						50			
08.07.2014	3	4.010	07.07.2017	2.52						150			
08.07.2014	3	4.010	07.07.2017	2.52						100			
22.09.2014	3	3.700	25.09.2017	2.74					780				
01.10.2014	1	3.730	02.10.2015	0.75	65								
01.10.2014	2	3.820	04.10.2016	1.76	25								
01.10.2014	3	3.950	02.10.2017	2.76						10			
01.10.2014	5	4.150	01.10.2019	4.75						15			
03.11.2014	3	3.950	03.11.2017	2.84	60								
03.11.2014	1	3.750	04.11.2015	0.84						70			
03.11.2014	3	3.950	03.11.2017	2.84						930			
05.11.2014	4	1.880	08.05.2018	3.35					422				
05.11.2014	3	3.950	03.11.2017	2.84	1,000								
18.11.2014	3	3.980	20.11.2017	2.89						15			
18.11.2014	5	4.150	18.11.2019	4.88						32			
10.12.2014	5	2.745	10.12.2019	4.95					1,725				
<b>Jumlah/Total</b>					10,150	0	2,455	0	2,927	11,762	1,365	0	2,580
									31,239				

## STATISTICAL INFORMATION

### MAKLUMAT PERANGKAAAN

#### HOLDERS OF DEBT SECURITIES ISSUED BY CAGAMAS BERHAD GROUP PEMEMANG SEKURITI HUTANG TERBITAN KUMPULAN CAGAMAS BERHAD

	2010		2011		2012		2013		2014	
	RM million RM juta	%	RM million RM juta	%	RM million RM juta	%	RM million RM juta	%	RM million RM juta	%
Financial Institution Institusi Kewangan	6,555	32.02	6,758	33.41	6,690	32.32	8,845	35.83	8,613	32.87
Provident and Pension Funds Dana Persaraan	5,030	24.57	5,620	27.78	6,690	32.32	7,945	32.19	7,295	27.84
Insurance Companies Syarikat Insuran	4,586	22.40	4,345	21.48	3,979	19.22	4,344	17.60	4,089	15.60
Asset and Trust Funds Dana Harta dan Amanah	552	2.70	396	1.96	486	2.35	2,971	12.04	2,755	10.51
Non-Resident Investor Pelabur Bukan Residen	133	0.65	211	1.04	2	0.01	98	0.40	2,666	10.17
Corporation Perbadanan	1,056	5.16	500	2.47	2,233	10.79	225	0.91	421	1.61
Government Linked Companies Syarikat Berkaitan Kerajaan	2,558	12.50	2,400	11.86	620	3.00	257	1.04	365	1.39
<b>Total/Jumlah</b>	<b>20,470</b>	<b>100</b>	<b>20,230</b>	<b>100</b>	<b>20,700</b>	<b>100</b>	<b>24,685</b>	<b>100</b>	<b>26,204</b>	<b>100</b>

#### HOLDERS OF DEBT SECURITIES ISSUED BY CAGAMAS MBS PEMEMANG SEKURITI HUTANG TERBITAN CAGAMAS MBS


	2010		2011		2012		2013		2014	
	RM million RM juta	%	RM million RM juta	%	RM million RM juta	%	RM million RM juta	%	RM million RM juta	%
Insurance Companies Syarikat Insuran	3,590	48.00	3,379	47.00	3,276	54.33	3,214	53.29	2,775	55.11
Financial Institution Institusi Kewangan	1,721	23.01	1,564	21.75	940	15.59	1,146	19.00	1,109	22.02
Provident and Pension Funds Dana Persaraan	1,437	19.21	1,492	20.75	1,260	20.90	1,270	21.06	723	14.36
Asset and Trust Funds Dana Harta dan Amanah	273	3.65	301	4.19	367	6.09	283	4.70	183	3.63
Corporation Perbadanan	254	3.40	222	3.09	90	1.49	45	0.75	155	3.08
Government Linked Companies Syarikat Berkaitan Kerajaan	188	2.51	183	2.55	83	1.38	60	1.00	85	1.69
Non-Resident Investor Pelabur Bukan Residen	14	0.18	46	0.64	11	0.18	9	0.15	5	0.11
Individual Perseorangan	3	0.04	3	0.04	3	0.05	3	0.05	0	0.00
<b>Total/Jumlah</b>	<b>7,480</b>	<b>100</b>	<b>7,190</b>	<b>100</b>	<b>6,030</b>	<b>100</b>	<b>6,030</b>	<b>100</b>	<b>5,035</b>	<b>100</b>

**TOTAL OUTSTANDING DEBT MARKET SECURITIES**  
**JUMLAH SEKURITI PASARAN HUTANG YANG BELUM DITEBUS**

<b>Instruments/Instrumen</b>	<b>% of Total Issuance Outstanding</b> <b>% Jumlah Terbitan Yang Belum Ditebus</b>				
	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>
Malaysian Government Securities/Government Investment Issues Sekuriti Kerajaan Malaysia/Sijil Pelaburan Kerajaan	51.0	52.8	51.6	52.7	53.6
Khazanah Bonds Bon Khazanah	2.0	1.8	2.1	2.0	2.0
Other Quasi-Government, e.g., Multilateral Development Financial Institution Lain-lain Separa Kerajaan, cth., Institusi Kewangan Pembangunan Multilateral	4.7	5.8	7.9	8.4	9.2
Cagamas Group Debt Securities Sekuriti Hutang Kumpulan Cagamas	4.2	3.8	3.1	3.3	2.8
Private Debt Securities Hutang Sekuriti Swasta	38.1	35.8	35.3	33.6	32.4
<b>Total/Jumlah</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

# **SUBSIDIARY COMPANIES**

## **ANAK-ANAK SYARIKAT**



## CAGAMAS BERHAD

Cagamas Berhad (Cagamas), the National Mortgage Corporation of Malaysia, was established in 1986 to promote the broader spread of house ownership and growth of the secondary mortgage market in Malaysia. It issues debt securities to finance the purchase of housing loans and other consumer receivables from financial institutions, selected corporations and the Government. The provision of liquidity at a reasonable cost to the primary lenders of housing loans encourages further financing of houses at an affordable cost.

The Cagamas model is well regarded by the World Bank as the most successful secondary mortgage liquidity facility. Cagamas is the largest issuer of AAA debt securities in the market. Since incorporation in 1986, Cagamas has cumulatively issued RM282 billion (as at 31 December 2014) of conventional and Sukuk debt securities, which includes issuances by its wholly owned subsidiary Cagamas Global P.L.C.

Cagamas' debt securities continue to be assigned the highest ratings of AAA and P1 by RAM Rating Services Berhad and AAA/AAA<sub>id</sub> and MARC-1/MARC-1<sub>id</sub> by Malaysian Rating Corporation Berhad, denoting its strong credit quality. Cagamas is also well regarded internationally and has been assigned local and foreign currency long-term issuer ratings of A3 by Moody's Investors Service Inc. that are in line with Malaysian sovereign ratings.

Cagamas wholly owns two (2) subsidiary companies, namely, Cagamas Global P.L.C. (CGP) and Cagamas Global Sukuk Berhad (CGB) incorporated on 4 April 2014 and 5 May 2014 respectively. CGP is a conventional fund raising vehicle incorporated in Labuan to undertake the issuance of bonds and notes in foreign currency. Whereas, CGB is an Islamic fund raising vehicle to undertake the issuance of Sukuk in foreign currency.

Cagamas Berhad, Perbadanan Cagaran Malaysia, telah ditubuhkan pada tahun 1986 untuk mempromosikan pemilikan rumah dan memajukan pasaran gadaai janji sekunder di Malaysia. Ia menerbitkan sekuriti hutang untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan dan lain-lain hutang pengguna yang belum terima daripada institusi kewangan, syarikat korporat terpilih dan Kerajaan. Penyediaan kecairan pada kos berpatutan kepada para pemberi pinjaman utama pinjaman perumahan telah menggalakkan pembiayaan rumah selanjutnya pada kos mampu bayar.

